



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 33/04/18**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PENGAWAS TINGKAT KHAS (C.2 EB.3)
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian III

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah lengkap dan di muat naik ke dalam Profil awda sebelum menekan butang '**Apply**';



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf



SIJIL Higher National Diploma/Advanced Diploma/ Degree (Diploma Tertinggi Kebangsaan/Diploma Lanjutan/ Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** dan **PENGESAHAN PENGiktirafan** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.



Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).



**1. PENGAWAS TINGKAT KHAS
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Bangunan / Elektrikal / Elektronik / Mekanikal atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang tersebut adalah kelebihan.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji D.4/D.3 tidak kurang 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 7 tahun.
2. Mempunyai pengalaman dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal / Bangunan / Elektrikal / Elektronik serta Pemeliharaan Kereta dan Enjin Motor Sangkut adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

DI JABATAN UKUR

1. Membantu Juruukur dalam bidang kerja teknikal yang berhubungkait dengan pemeliharaan bangunan, kenderaan, peralatan pejabat dan peralatan Geomatik (Pengukuran).
2. Membantu Juruukur dalam memastikan tugas atau projek yang dirancang dilaksanakan.
3. Bertanggungjawab bagi perlaksanaan pemeliharaan peralatan Geomatik (Pengukuran) Jabatan Ukur termasuk Kalibrasi peralatan Geomatik.



4. Bertanggungjawab bagi perlaksanaan pemeliharaan kenderaan Jabatan Ukur termasuk semua kereta, motor sangkut dan lain-lain mesin berkaitan.
5. Bertanggungjawab bagi perlaksanaan pemeliharaan bangunan Jabatan Ukur termasuk cawangan Daerah.
6. Bertanggungjawab bagi perlaksanaan pemeliharaan Peralatan Pejabat termasuk Jabatan Ukur Cawangan Daerah.
7. Menyelia dan mengawal mekanik-mekanik dan kakitangan Bengkel (Pemeliharaan) dan menyemak perjalanan kerja-kerja mengikut prosedur Sistem Pengurusan Berkualiti (ISO 9001).
8. Membimbing dalam mendorong kakitangan bawahan dalam pencapaian hasil kerja yang optima dan memantau kemajuan kerja setiap individu.
9. Membuat penilaian kemahiran kakitangan bawahan dalam kerja teknikal masing-masing.
10. Ahli Jawatankuasa Kecil *Quality Control Circle* bagi Sistem Pengurusan Berkualiti (ISO 9001)